



**SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

**ASEAN LAW FORUM 2025 MELAKAR PENCAPAIAN BERSEJARAH
DALAM REFORMASI DAN KERJASAMA PERUNDANGAN**

KUALA LUMPUR, MALAYSIA – *ASEAN Law Forum 2025* secara rasminya melabuhkan tirai pada hari ini setelah berlangsung pada 19 hingga 21 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Penganjuran forum ini adalah merupakan satu langkah penting yang melambangkan komitmen ASEAN dalam membina keyakinan awam, mengukuhkan kedudukannya di pentas global serta memperlihatkan pertumbuhan yang ketara dalam usaha memperkukuh pembaharuan undang-undang. Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri di atas segala bantuan dalam menjayakan forum ini.

Selaras dengan visi Kerajaan Malaysia untuk memperkukuh kerjasama serantau dan memupuk keterangkuman bersama, asas bagi penganjuran ASEAN Law Forum 2025 ini telah dibentuk melalui jalinan hubungan dua hala dengan Negara-Negara Anggota ASEAN menerusi Siri Jelajah ASEAN, serta penganjuran Forum Kuala Lumpur (*KL Forum*) mengenai Timbang Tara Antarabangsa yang telah berlangsung pada tahun 2024.

Forum ini telah menghimpunkan para penggubal dasar, pengamal undang-undang, ahli akademik serta pihak berkepentingan dari negaranegara ASEAN dan juga luar rantau ini. Mengangkat tema ***“Enhancing Access to Justice in the ASEAN Economic Community: Bridging Legal Cooperation for Inclusive Growth in the Digital Age”***, forum ini telah mengupas isu-isu penting seperti timbang tara, mediasi, keselamatan dalam talian, insolvensi rentas sempadan, jenayah siber, pembaharuan undang-undang jenayah dan komersial, perniagaan dan hak asasi manusia serta integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem keadilan.

Perbincangan dan penglibatan yang dinamik ini mencerminkan tekad bersama dalam menangani cabaran masa kini, selain telah memperlihatkan impak yang positif di peringkat domestik dan juga serantau melalui penyelesaian pertikaian yang konsisten dan boleh dijangka sebagai asas penting bagi kestabilan ekonomi serantau.

Selain itu, melalui forum ini, barisan panel berkepakaran juga telah mengupas topik penting berkenaan kewangan Islam dan timbang tara, timbang tara sukan dan timbang tara maritim. Sesi perbincangan berfokus ini telah mengukuhkan lagi komitmen strategik terhadap pembaharuan undang-undang yang disasarkan, selaras dengan keperluan masa hadapan.

Penganjuran Forum ini telah dirangkumkan dengan jayanya melalui Pemeteraian Kenyataan Bersama berkaitan Pembangunan Timbang Tara dan Mediasi Komersial Antarabangsa oleh Menteri-Menteri Undang-Undang dan Keadilan ASEAN. Mewakili Malaysia, Pemeteraian Kenyataan Bersama ini telah ditandatangani oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Komitmen ini mencerminkan visi negara-negara ASEAN dalam meningkatkan mutu perundangan dan mengeratkan kerjasama, sekaligus memperkuat asas kedaulatan undang-undang, ekonomi dan kesepaduan serantau.

Sebelum Pemetaraan Kenyataan Bersama dilaksanakan, YB Dato' Sri Azalina Othman dan YB M. Kula Segaran selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), telah mengadakan siri jelajah ke negara-negara anggota ASEAN untuk mengadakan libat urus secara langsung bersama Menteri-Menteri Undang-Undang dan Keadilan serta wakil-wakil daripada institusi perundangan negara masing-masing. Sesi libat urus dan perbincangan ini adalah bertujuan untuk mempromosikan kerjasama serantau dalam pembangunan timbang tara dan mediasi komersial antarabangsa, melalui sokongan dan kesepakatan terhadap Pemetaraan Kenyataan Bersama yang diterajui oleh Malaysia.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
21 OGOS 2025**